

24 & 25 Jun 2024 | PROGRAM 8th MECHYFEST 2024

Program MECHYFEST kali ke 8 tahun 2024 yang bertemakan "*Excellence of Analytical Approach*" telah diadakan pada 24 & 25/06/2024 bertempat di Kompleks Teknologi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP) yang lalu. Perasmian program ini telah disempurnakan pada 24 Jun 2024 oleh Yang Berbahagia Prof Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abd Rahim, Naib Canselor UTHM dan dihadiri barisan kepimpinan eksekutif UTHM, pengurusan fakulti, Dekan-dekan fakulti, para pensyarah serta pelajar FKMP. Turut hadir meraikan program ini ialah Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa Prof. Dr. Shahruddin bin Mahzan, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni Prof. Dr Lokman Hakim bin Ismail, Penolong Naib Canselor Digital & Infrastruktur Prof. Ir. Dr. Md Saidin bin Wahab dan juga Penolong Naib Canselor Strategik & Kualiti Prof. Dr. Mas Fawzi bin Mohd Ali.

Program *signature* FKMP tahunan fakulti ini telah mencatat kejayaan besar pada penganjuran kali ini dengan penyertaan lebih ramai pelajar dan staf termasuk murid sekolah menengah sekitar Batu Pahat serta kehadiran beberapa orang wakil industri yang berfokuskan ke arah kelestarian perkara-perkara melibatkan TVET. Barisan jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar fakulti yang dibantu oleh Persatuan Pelajar Mekanikal merupakan tuggak utama dalam menjayakan objektif program ini.

MECHYFEST merupakan sebuah program bersepadan yang menggabungkan beberapa pengisian yang mengangkat hasil kerja pelajar sebagai fokus utama. Hasil kerja projek pelajar dinilai dan dipertandingkan melalui pembentangan poster Projek Sarjana Muda (PSM) dan juga pameran *Integrated Engineering Design* (IED). Ciptaan dan inovasi pelajar di dalam pameran dan pertandingan semasa acara berlangsung memperlihatkan pengukuhan pemahaman selari dengan hasrat di universiti MTUN. Selain itu, pelajar turut diberi peluang mengasah bakat dalam berniaga melalui Jualan Mechyprenuer serta menyertai pencarian ujibakat melalui FKMP Got Talent 2.0. Bagi pelajar yang berminat untuk menyambung pengajian pula, sesi roadshow daripada Unit Siswazah fakulti yang menerangkan tentang program pascasiswah yang ditawarkan di fakulti turut diadakan Keterlibatan 3 orang Penasihat Industri fakulti yang turut menyumbang sebagai panel penilai PSM dan IED, selain menyampaikan sesi perkongsian ilmu berkaitan industri tumpuan masing-masing.

Hari kedua program diteruskan dengan program derma darah dari Hospital Kluang. Sebanyak lebih 50 beg darah telah berjaya diperoleh dan pihak hospital sangat berpuas hati kerana telah melepas sasaran awal. Sejumlah 60 orang pelajar sekolah menengah dari 8 buah sekolah sekitar Batu Pahat turut diundang bagi menjayakan pertandingan roket air melalui program Mechaton. Sebagai penutup pengisian, sesi ceramah keusahawanan daripada usahawan tersohor yang juga merupakan pensyarah dari Pusat Pengajian Diploma UTHM, Dr Mohd Zulariffin yang berkongsi tentang tips perniagaan secara maya melalui platform Ebay turut diadakan bagi menyuburkan budaya keusahawanan di kalangan staf dan juga pelajar yang berdasarkan bidang tujah universiti.

Penutup program pada hari kedua 25 Jun 2024 telah dilakukan oleh Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) FKMP, PM Ts Dr Mohd Rasidi bin Ibrahim. Berdasarkan ucapannya, beliau sangat berbangga dan berterima kasih kepada jawatankuasa pelaksana atas kejayaan penganjuran Mechyfest ini dan juga kepada semua pihak yang menyertai program selama dua hari ini. Beliau turut menyatakan penghargaan kepada pelbagai pihak yang meluluskan dana kewangan bagi kelangsungan program ini antaranya tabung FKMP, Pejabat HEP, Pejabat Teknousahawan Universiti (PTU) serta Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC).

Semoga program MECHYFEST ini akan dapat diteruskan lagi pada tahun-tahun mendatang dengan kejayaan yang lebih besar kerana telah terbukti dapat memberikan impak yang positif kepada pelajar, staf, industri, dan komuniti setempat terutamanya dalam membentuk kemenjadian mahasiswa.

#myFKMP

#hepauthm

#PPMFKMP

#UTHMPrihatin



Perasmian dan pelancaran Buku Pencapaian dan Perancangan Fakulti 2022-2025



Pembentangan Poster PSM



Mechaton



Talk Keusahawanan



Postgraduate Open Day



Derma darah



Pameran *Integrated Engineering Design*



FKMP Got Talent 2.0



Mechypreneur



Industry Talk by IAP Faculty



Barisan Jawatankuasa Pelaksana PPM bersama Penasihat HEPA fakulti